

04 MAY, 2024

Kebolehpasaran graduan UNITEN memacu kejayaan

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 3

Kebolehpasaran graduan UNITEN memacu kejayaan



The Energy University

Oleh: Prof. Madya Dr. Chua Kok Hua,
Pengarah Jabatan Hubungan Alumni, Kerjaya,
dan Industri



SEJAK penubuhannya pada tahun 1997, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah menghasilkan lebih daripada 40,000 orang graduan. Sebagai sebuah universiti yang berfokus, majoriti graduan adalah berlatarbelakangkan Bidang Kejuruteraan (46%), diikuti Bidang Perakaunan dan Perniagaan (37%) dan graduan Bidang Sains Komputer & IT (17%). Program akademik yang mendapat akreditasi penuh dan diiktiraf MQA, ditambah dengan aktiviti pelajar yang holistik dan menarik serta pengajaran disampaikan dalam Bahasa Inggeris, telah meningkatkan kebolehpasaran siswazah. Dalam tiga tahun kebolehpasaran siswazah setelah pelajar 6 bulan tamat pengajian. Sejak perkhidmatan alumni UNITEN merangkumi

hampir seluruh dunia iaitu sebanyak 71 negara termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Ireland, Eropah, New Zealand, Australia, Jepun, Singapura dan Malaysia di mana mereka ini sedang berkhidmat di semua peringkat dalam kapasiti teknikal dan pengurusan.

Pengiktarafan yang diberikan kepada alumni UNITEN adalah sangat membanggakan dan kesemua mereka cemerlang dalam kerjaya yang dipilih. Salah seorang daripada alumni UNITEN ialah Tn. Syed Saggaf Syed Ahmad, yang kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Shapadu *Energy Services*. Penglibatan beliau dalam industri minyak dan gas bermula sejourus menamatkan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) 2002.

Graduan lepasan UNITEN bukan sahaja cemerlang dalam sektor swasta tetapi juga dalam perkhidmatan dengan kerajaan Malaysia serta agensi kerajaan samada di dalam atau di luar negara. Antaranya, En. Mohammad Ashraf Mohd Radzi, graduan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), 2003, yang baru sahaja dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Ada juga dikalangan mereka kini berkhidmat sebagai pengarah atau penasihat di Kedutaan Malaysia dan agensi kerajaan Malaysia di luar negara. Sebagai salah satu anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB), lebih daripada 5% pekerja TNB merupakan siswazah UNITEN dan memegang jawatan sebagai eksekutif, jurutera, ahli teknologi serta bidang pengurusan. Salah seorang daripada mereka ialah Pn. Leo Pui Yong, alumni UNITEN dalam bidang Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (Kepujian) 2002, yang kini merupakan *Chief Sustainability Officer* (CSO) di TNB dan Pn. Juwariyah bt Sal Hamid@ Ahmad, graduan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) 2009, dan sekarang merupakan Ketua Pegawai Kewangan TNBX Sdn Bhd.

“

04 MAY, 2024

Kebolehpasaran graduan UNITEN memacu kejayaan

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 3

Saya amat berbangga kerana kebanyakan rakan sekelas saya berjaya dalam kerjaya yang mereka pilih. Sesetengah daripada mereka memegang jawatan tinggi di syarikat-syarikat multinasional serta agensi-agensi kerajaan termasuk rakan sekelas saya, Sarly Adle Sarkum yang kini merupakan Presiden & Ketua Pegawai Operasi Honda Malaysia

Tn. Syed Saggaf Syed Ahmad,
Ketua Pegawai Eksekutif Shapadu Energy Services

Semangat keusahawanan turut mekar di kalangan alumni UNITEN, ada sesetengah siswazah telah menubuhkan firma kejuruteraan mereka sendiri, perniagaan makanan dan minuman, syarikat-syarikat permulaan (*start-up*) serta perniagaan berkaitan tenaga.

Salah seorang daripadanya ialah Pn. Nik Suzila Nik Hassan, di mana beliau merupakan graduan bagi Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) 2002, yang memulakan Kloth Care Sdn Bhd.

Memandangkan ijazah UNITEN diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan badan-badan antarabangsa, maka tidak hairanlah jika graduan lepasan UNITEN juga mendapat permintaan yang tinggi oleh syarikat-syarikat antarabangsa dan bekerja di luar negara seperti di Singapura, New Zealand, United Kingdom, dan lain-lain. YM Tengku Edzuan Tengku Mahamad, siswazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) 2007, mempunyai pengalaman bekerja sebagai Pengurus Meia Perkhidmatan. SIB (dahulunya dikenali

sebagai Schlumberger) di Bogotá, Colombia. Begitu juga Pn. Nur Amalina Noorazmi, graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) 2012, yang kini bekerja dengan CPB *Contractors* di Adelaide, Australia sebagai jurutera tapak.

Prestasi alumni UNITEN mencerminkan matlamat utama UNITEN dalam membimbing dan mengilhamkan pelajarannya untuk mempunyai visi yang lebih jelas. Kesimpulannya, alumni UNITEN telah memberi impak yang positif kepada masyarakat di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

